

Islam dan Perpaduan
18 OGOS 2023 | 1 SAFAR 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ
يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu
wa-Ta'ala**

Islam adalah agama yang menganjurkan perpaduan kerana dengannya keamanan dan kestabilan dapat ditegakkan. Umat Islam disifatkan sebagai umat yang satu sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Anbiya' ayat 92

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya ini adalah umat kamu umat yang satu dan Aku adalah Tuhan kamu maka beribadatlah kepada-Ku.*”

Sesungguhnya umat Islam diperintahkan untuk hidup dalam keadaan bersatu padu, kasih mengasihi, saling bantu membantu dan dilarang berpecah belah, berbalahan, pulau memulau dan benci membenci kerana perpecahan hanya akan melemahkan kekuatan mereka. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Anfal ayat 46

وَاطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا
وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Yang bermaksud: *“Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati). Sesungguhnya Allah berserta orang yang sabar.”*

Perpaduan dalam sesebuah masyarakat itu akan lahir sekiranya ada hubungan yang baik sesama mereka. Oleh yang demikian, agama Islam menyeru umatnya agar hidup saling berkasih sayang, hormat menghormati, berlemah lembut dan rasa simpati kepada orang lain. Kasih sayang akan membuatkan hubungan antara sesama manusia menjadi baik dan harmoni. Keadaan huru-hara yang berlaku dalam kehidupan manusia hari ini adalah berpunca daripada hilangnya perasaan kasih sayang dalam diri mereka. Umat Islam diumpamakan seperti sebatang tubuh yang saling memerlukan antara satu sama lain. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ
عَضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى

Yang bermaksud: *"Perumpamaan orang mukmin dalam berkasih sayang dan persaudaraan sesama mereka adalah seperti satu jasad. Jika salah satu anggota badan sakit, maka seluruh badan akan turut merasa sakit dengan sebab berjaga malam dan demam"*.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Kita perlu belajar daripada sejarah bahawa perpecahan hanya akan menyebabkan kelemahan dan membawa kepada kehancuran. Lihatlah kejatuhan kerajaan Abbasiyyah, keruntuhan Empayar Uthmaniyyah dan jatuhnya Kota Melaka ke tangan Portugis adalah akibat perpecahan dalaman.

Buanglah perasaan tamak, hilangkanlah sikap dengki mendengki. Hapuskanlah sifat pentingkan diri sendiri kerana semuanya adalah penghalang kesatuan umat Islam. Semua perkara ini adalah penyakit umat terdahulu yang membawa kehancuran. Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Tirmizi:

Yang bermaksud: *“Penyakit umat sebelum kamu telah menyerap masuk ke dalam kalangan kamu, iaitu hasad dengki dan persengketaan, ia adalah pencukur. Aku tidak mengatakan ia mencukur rambut, akan tetapi ia mencukur agama.”*

Ingatlah! Kekuatan dan kekuasaan kita akan hilang sekiranya kita terus bersengketa dan berpecah belah, khianat kepada agama, saling menjatuhkan, tergamak menyokong musuh dan sanggup menggadaikan maruah orang Islam. Oleh itu, marilah kita bersatu dalam apa juga situasi bagi menghadapi ancaman musuh yang terang dan yang tersembunyi berasaskan iman dan akidah Islam yang hakiki. Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam surah Ali Imran ayat 103

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ
إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا

Yang bermaksud: *“Dan berpegang teguhlah kamu semuanya pada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa jahiliyyah) bermusuhan, lalu Allah mempersatukan hatimu, sehingga dengan kurnia-Nya kamu menjadi bersaudara...”*.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Perpaduan yang kukuh dalam kalangan rakyat terutamanya umat Islam adalah amat penting kerana ia menjadi asas kepada negeri dan negara yang stabil dalam pelbagai aspek. Segala perancangan untuk kemajuan dan kesejahteraan rakyat dan negeri akan mudah untuk dilaksanakan apabila rakyat dan pemimpinnya bersatu hati, amanah, saling bekerjasama dan mempercayai antara satu sama lain.

Oleh itu marilah kita jadikan masjid dan surau di seluruh negeri ini sebagai pusat penjana kesatuan ummah. Simbolik perpaduan dan kesatuan yang kita tunjukkan ketika kita mengikut imam dalam solat berjemaah perlu

kita abadikan dalam kehidupan bermasyarakat. Kelas-kelas pengajian ilmu yang kita peroleh pula adalah menjadi asas pengetahuan dan tindakan ke arah perpaduan dan persaudaraan yang lebih ampuh. Gunakanlah media sosial seperti Whatsapp, Facebook, Instagram, Tiktok dan lain-lain untuk meluaskan seruan kesatuan dan ukhuwwah. Kita mampu berubah daripada perbalahan kepada perdamaian dan daripada persengketaan kepada penyatuan. Semoga Allah merahmati kita semua. Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah al-Hujurat, ayat 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Yang bermaksud: “*Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ،

إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.